

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Adtec Melaka juara pertandingan robot tempur	Utusan Malaysia
2.	Netizens alarmed over 'massive data breach'	The Sun
3.	Taufan Lan tidak akan melanda Sabah – MET Malaysia	BERNAMA
4.	Jabatan Meteorologi nafi Taufan Lan landa Sabah	Utusan Malaysia
5.	METMalaysia nafi landa Taufan Lan bakal melanda Sabah	Astro Awani
6.	Taufan Lan tidak akan membadaai Sabah	Sinar Harian
7.	Jangan percaya khabar angin	Harian Metro
8.	MetMalaysia nafi Taufan Lan landa Sabah, Labuan	Berita Harian
9.	Tempias Khanun	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN KOTA) : MUKA SURAT 31
TARIKH : 20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)

Adtec Melaka juara pertandingan robot tempur

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Kesungguhan Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Melaka menyertai Pertandingan Robot Tempur Malaysia akhirnya membuahkan hasil apabila mereka berjaya menjadi juara setelah mengalahkan 25 pasukan lain.

Malah sebuah lagi pasukan dari Adtec Melaka berjaya menjadi naib johan dalam pertandingan yang disertai institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik serta institut latihan perindustrian itu.

Jurulatihnya, Mohd. Ekhwan Rahim berkata, tahun ini merupakan kali ketiga pasukannya menyertai pertandingan tersebut.

"Kali pertama kami kurang bernasib baik, tiada nombor yang berjaya kami bawa pulang. Kali kedua pula kami bergelar naib johan.

"Pelajar-pelajar yang membina robot tempur ini merupakan mereka yang mengambil jurusan Diploma Kemahiran Mekatronik. Dari segi pembangunan robot ini secara keseluruhan adalah hasil kerja mereka (pelajar), jurulatih hanya memantau pelan rekaan awal dan memeriksa produk akhir sahaja," katanya ketika ditemui selepas pertandingan tersebut, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah **Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Dr. Mohd. Azhar Yahya dan Pengarah Pusat Sains Negara, Mismah Jimbun.**

Pertandingan Robot Tempur



PENGUNJUNG terpesona dengan aksi robot tempur dalam Pertandingan Akhir dan Majlis penutupan di Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur, baru-baru ini. - UTUSAN/SURIYA BONMA

Malaysia merupakan edisi kali ketiga untuk tahun ini dan ia merupakan sebahagian inisiatif **MOSTI** untuk memperluaskan program Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Hadiah-hadiah disampaikan oleh **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah.**

Sementara itu, Abu Bakar berkata, masyarakat hari ini sudah mula memberikan lebih perhatian terhadap STI kerana dilihat mempunyai jaminan kerjaya pada masa depan.

"Hal ini dapat dibuktikan me-

lalui pertandingan hari ini. Berbanding edisi sebelumnya, mutu robot yang bertempur makin dahsyat. Kepakaran mereka (peserta) makin tinggi dalam industri robotik dan sangat membanggakan kita sebagai rakyat Malaysia.

"Bidang ini dijangka memerlukan kepakaran dan tenaga kerja tempatan. Yang menang hari ini merupakan mereka yang datang dari institusi kemahiran. Perkara ini membuktikan Kementerian mampu mengeluarkan tenaga pakar dalam bidang ini," ujarnya.

Netizens alarmed over 'massive data breach'

BY **ELLY FAZANIZA**
newsdesk@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Netizens were alarmed after they were alerted to a probable data breach of their private information by an unknown source through public platform Lowyat.net yesterday.

Cybersecurity chief executive officer Datuk Amirudin Abdul Wahab told *theSun* they were aware of the article mentioned by the platform.

"We are aware of the existence of the article mentioned and I think the authorities will issue a media statement tomorrow on the matter," he said in a text message.

The article titled "Personal Data of Millions of Malaysians Up for Sale, Sources of Breach Still Unknown" stated that private information was up for sale

for an undisclosed amount in bitcoin.


The personal data of Malaysians with Jobstreet.com, the Malaysian Medical Council, Malaysian Medical Association, Academy of Medicine Malaysia, Malaysian Housing Loan Applications, the Malaysian Dental Association and the National Specialist Register of Malaysia were mentioned.

The platform further claimed the biggest damage would affect a huge list from the telecommunications sector that included Altel, Celcom, Digi, Enabling Asia, Friendimobile, Maxis, MerchantTradeAsia, PLDT, RedTone, TuneTalk, Umobile and XOX.

Checks later showed the article had been pulled down with a note saying the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC) will issue an official statement.



Taufan Lan Tidak Akan Melanda Sabah - MET Malaysia



KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** mengingatkan orang ramai untuk tidak mempercayai khabar angin di media sosial bahawa Taufan Lan akan membadai negeri Sabah.

Ketua Pengarah MET Malaysia Alui Bahari berkata Taufan Lan yang pada ketika ini berada di timur Filipina dijangka akan bergerak ke arah utara dan tidak akan melalui kawasan Sabah, Sarawak dan Semenanjung.


"Kesan sampingan taufan ini telah menyebabkan cuaca lembab berserta angin kencang di barat dan utara Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan mulai 17 Oktober lepas dan ia dijangka berterusan sehingga 21 Oktober depan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Sehubungan itu, Alui berkata orang awam dinasihati mendapatkan maklumat sahih dari laman sesawang MET Malaysia di www.met.gov.my atau menghubungi di talian 1-300-221638.

-- BERNAMA



Jabatan Meteorologi nafi Taufan Lan landa Sabah



PETA laluan Taufan Lan yang dihasilkan oleh Pentadbiran Perkhidmatan Atmosfera, Geofizikal dan Astronomi Filipina

KUALA LUMPUR 20 Okt. – **Jabatan Meteorologi** menafikan khabar angin yang tular di media sosial bahaawa Taufan Lan yang kini berada di timur Filipina akan membandai Sabah.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi (MMD), Alui Bahari berkata, Taufan Lan kini bergerak menuju ke utara dan mula menjauhi perairan negara.

“Kesan sampingan taufan ini terhadap negara hanyalah sekadar cuaca lembap dan angin kencang di barat dan utara Sabah serta Labuan dijangka bermula 17 Oktober hingga 21 Oktober nanti.

“Orang awam dinasihatkan tidak mempercayai khabar angin di media sosial, sebaliknya terus merujuk kepada laman sesawang Jabatan Meteorologi iaitu www.met.gov.my, ataupun di aplikasi telefon mudah alih myCuaca, laman Facebook [malaysiamet](https://www.facebook.com/malaysiamet), Twitter [@malaysianmet](https://twitter.com/malaysianmet) dan Talian Penting MetMalaysia di talian 1-300-22-1638. - UTUSAN ONLINE



METMalaysia nafi Taufan Lan bakal melanda Sabah



Orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan maklumat sahih dari laman sesawang MET, www.met.gov.my.

KUALA LUMPUR: Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menafikan dakwaan Taufan Lan akan melanda Sabah seperti yang tular di media sosial.

Ketua Pengarah METMalaysia, Alui Bahari berkata orang ramai diingatkan untuk tidak percaya khabar angin itu sebaliknya mendapatkan maklumat sahih daripada pihak METMalaysia.

"Untuk makluman, Taufan Lan yang pada ketika ini berada di timur Filipina dijangka bergerak ke arah utara yang semakin menjauhi rantau Malaysia menuju ke Jepun.

"Kesan sampingan taufan ini telah menyebabkan cuaca lembap beserta angin kencang di barat dan utara Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan mulai 17 Oktober hingga 21 Oktober 2017," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Orang ramai dinasihatkan agar mendapatkan maklumat sahih dari laman sesawang METMalaysia, www.met.gov.my, aplikasi mobil myCuaca, Facebook: Malaysiamet, Twitter: @malaysianmet atau MetMalaysia Hotline di talian 1300221638.



Taufan Lan tidak akan membadaai Sabah



Sabah

KOTA KINABALU - Orang ramai diingatkan supaya tidak mudah percaya dengan khabar angin kononnya Taufan Lan akan membadaai Sabah.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD), Alui Bahari berkata, Taufan Lan yang pada ketika ini berada di Timur Filipina dijangka akan bergerak ke arah utara, sekaligus menjauhi rantau negara.

"Kesan sampingan taufan ini telah menyebabkan cuaca lembap beserta angin kencang di barat dan utara Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan mulai 17 Oktober.

"Ia dijangka berterusan sehingga 21 Oktober depan," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Justeru itu, orang ramai dinasihatkan mendapatkan maklumat sahih daripada laman sesawang MMD iaitu www.met.gov.my mengenai cuaca dalam rantau negara.

Sementara itu, Taufan Lan dilaporkan kini melanda antara Filipina dan Guam dan cuaca di negara itu dijangka semakin teruk menjelang dua hari akan datang.

Ramalan rasmi dari Pusat Amaran Taufan menyebut Taufan Lan akan mencapai kelajuan angin mencecah 150 km/j dan boleh mencecah kategori skala empat hingga ke skala lima.



Jangan percaya khabar angin

Untuk makluman semua. Malam ini Tropical Storm Lan d RAMAL akan menjana kuasa dan tenaga menjadi Super Typhoon yang akan melanda sebahagian besar negara Filipina. Kita d Sabah akan menerima ekor ekor angin kencang. Oleh yang demikian kita semua d nasihatkan untuk sangat berwaspada. T.k.



Khabar angin yang tersebar

JABATAN Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) hari ini menafikan khabar angin bahawa Taufan Lan akan membadai Sabah.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan, jabatan itu meminta orang ramai supaya tidak mempercayai khabar angin yang disebarkan di media sosial.

"Untuk makluman, Taufan Lan yang pada ketika ini berada di timur Filipina akan bergerak menjauhi rantau negara menuju ke Jepun.

"Bagaimanapun, kesan angin kuat yang secara tidak langsung masih boleh dirasai di Sabah," kata kenyataan media itu.

Kenyataan sama menyebut, akan sentiasa melakukan pemantauan cuaca dan akan mengeluarkan amaran hujan lebat sekiranya keadaan memerlukan.

"Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat sahih daripada laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia www.met.gov.my atau aplikasi mobil myCuaca dan akaun facebook atau Twitter rasmi jabatan," katanya.

Terdahulu, MetMalaysia turut mengeluarkan amaran cuaca buruk berada di peringkat kuning bagi kawasan tertentu di negeri ini.

Dalam laporan itu, hujan berterusan berserta angin kencang berlaku di bahagian pedalaman (Kuala Penyu, Beaufort, Sipitang, Tenom, Keningau dan Tambunan), pantai barat, Kudat dan Wilayah Persekutuan Labuan berlanjutan sehingga Sabtu ini.

Sementara itu, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah menerima aduan 25 kes pokok tumbang berikutan cuaca buruk yang melanda kawasan pantai barat Sabah hari ini.

Ketua Cawangan Pusat Gerakan Operasi JBPM Sabah, Khatizah Rahaban berkata, sehingga jam 4 petang hari ini pihaknya menerima 35 panggilan dan 25 daripadanya membabitkan kes pokok tumbang.

"Daerah paling banyak mencatatkan kes pokok tumbang iaitu di Kota Kinabalu dan Penampang masing-masing enam kes.

"Sementara itu, di Lintas, Tuaran dan Kuala Penyu menerima masing-masing tiga kes pokok tumbang, manakala di Papar, Kota Belud, Kota Marudu dan Ranau masing-masing hanya satu kes," katanya ketika dihubungi, hari ini.



MetMalaysia nafi Taufan Lan landa Sabah, Labuan.

KUALA LUMPUR : Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) hari ini, tampil menafikan dakwaan Taufan Lan akan melanda Sabah seperti yang viral menerusi media sosial ketika ini.

Ketua Pengarahnya, Alui Bahari, berkata orang ramai diingatkan untuk tidak mempercayai khabar angin yang disebarkan menerusi media sosial tanpa mendapatkan pengesahan METMalaysia.

"Untuk makluman, Taufan Lan yang pada ketika ini berada di timur Filipina dijangka bergerak ke arah utara, dan semakin menjauhi rantau Malaysia menuju ke Jepun.

"Kesan sampingan taufan ini telah menyebabkan cuaca lembap berserta angin kencang di barat dan utara Sabah serta Labuan bermula Selasa lalu hingga Sabtu ini," katanya dalam satu kenyataan.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan memantau dan membuat pemeriksaan maklumat sahih daripada laman sesawang rasmi MetMalaysia, www.met.gov.my.

Orang ramai juga boleh memeriksa amaran cuaca daripada aplikasi mobil myCuaca, atau melayari Facebook: Malaysiamet atau Twitter: @malaysianmet atau menghubungi MetMalaysia Hotline di talian 1300221638.

Sementara itu, MetMalaysia mengesan gempa bumi sederhana 5.9 magnitud di Tenggara Pulau Ryukyu, Jepun dan kira-kira 2,815 kilometer (km) Timur Laut Kudat, Sabah pada 5.02 petang tadi.

Bagaimanapun, tiada ancaman tsunami.

MetMalaysia berkata, amaran angin kencang dan laut bergelora kategori dua, membabitkan angin kencang sehingga 50 hingga 60 kmsj dan ombak sehingga 4.5 meter dijangka berterusan di perairan Kudat, Sabah sehingga Sabtu ini.

Amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama dijangka menggegarkan perairan Labuan, Sabah (Pedalaman, Pantai Barat dan Sandakan) hingga Sabtu ini.

"Amaran ribut petir kategori kedua dijangka melanda perairan Sulu hingga Sabtu ini. Keadaan angin kencang dan laut bergelora berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, perkhidmatan feri serta aktiviti nelayan termasuk tangkapan ikan," katanya.

MetMalaysia turut mengeluarkan amaran cuaca buruk peringkat kuning dengan jangkaan hujan lebat berterusan dan angin kencang sehingga Sabtu ini, di Sabah (Pedalaman, Pantai Barat, Kudat), Labuan dan Limbang, Sarawak.



Tempias Khanun

KOTA KINABALU: Hujan lebat sejak awal pagi tadi di pantai barat Sabah mengakibatkan beberapa kawasan digenangi banjir kilat.

Antara tempat terjejas ialah Rugading, Tebobon, Menggatal, Jalan Bandar Sierra dan berhadapan 1Borneo di Kota Kinabalu, Jalan ByPass Kota Belud-Kudat, selain beberapa kawasan di Penampang.

Setakat jam 10.30 pagi tadi bomba melaporkan 10 kejadian pokok tumbang di sekitar daerah ini termasuk di Jalan Tanjung Aru dan Jalan Sabah Port, namun tiada kejadian tidak diingini.

Hujan lebat dan angin kencang di Sabah berlaku akibat kesan ribut Khanun yang melanda Filipina.

Pagi tadi, **Jabatan Meteorologi** mengeluarkan amaran ribut petir di perairan Sarawak (Miri), Labuan dan Sabah (pedalaman, pantai barat dan Kudat) yang dijangka berterusan sehingga lewat petang ini.

Keadaan itu boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter dan berbahaya kepada bot kecil.

Setakat pagi tadi, jumlah mangsa banjir susulan hujan lebat di Kota Belud sejak semalam, meningkat kepada 144 berbanding 119 orang pada petang semalam.

Semua mangsa daripada 50 keluarga itu kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Tun Said.

Semalam, BH Online melaporkan bomba merekodkan sebanyak 110 kes pokok tumbang dalam tempoh tiga hari sejak Isnin lalu susulan hujan lebat dan angin kencang melanda pantai barat Sabah.